

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [
Bukit Katil]**

**SOALAN : Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah
kesan kepada industri beras tempatan juga
kesan langsung kepada petani setelah
perjanjian TPPA dilaksanakan kerana harga
beras Amerika dijangka lebih murah akibat
cukai import beras daripada Amerika yang
dikenakan sebanyak 40% dihapuskan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah TPPA, Malaysia telah memperoleh pengecualian ke atas mekanisma pengimportan dan pengedaran beras. Dengan pengecualian ini, Perjanjian TPPA tidak akan memberi kesan kepada industri beras tempatan dan juga kepada petani.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang keadaan dan faktor kemerosotan kualiti pendidikan rendah di Malaysia seperti yang dilaporkan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organizations (UNESCO).

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari kedudukan Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) berada pada kelompok satu pertiga terbawah seperti yang dilaporkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD). Walau bagaimanapun, masih terdapat sekolah-sekolah di Malaysia yang mengambil bahagian dalam TIMSS dan PISA yang menunjukkan prestasi yang baik melebihi purata antarabangsa bagi TIMSS dan PISA seperti Sekolah Menengah Sultanah

Asma di Kedah dan Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada pencapaian yang rendah dalam pentaksiran berkenaan, antaranya adalah murid-murid Malaysia tidak menguasai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), keupayaan untuk menakul dan mengaplikasikan pengetahuan dengan kehidupan seharian.

Pencapaian murid Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa merupakan indikator kepada kualiti pendidikan negara. Oleh itu, KPM telah mengambil langkah tegas untuk memperbaiki sistem pendidikan negara dengan mengadakan penilaian terhadap sistem pendidikan negara dan telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi memastikan standard serta kualiti pendidikan negara dapat ditingkatkan setanding dengan sistem pendidikan negara maju. KPM telah mengenal pasti 6 aspirasi sistem yang mampu mentransformasikan sistem pendidikan sedia ada iaitu meningkatkan kualiti, ekuiti , akses, perpaduan dan kecekapan sistem penyampaian.

Setelah tiga tahun pelaksanaan PPPM melalui Gelombang 1 (2013-2015) banyak kejayaan telah dapat dicapai antaranya murid dan guru telah mendapat pendedahan mengenai KBAT, pelaksanaan pembelajaran abad ke-21, meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, mengukuhkan pendidikan STEM dan sebagainya.